

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

**PLG 341 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan 1**

Masa: [3 jam]

---

Jawab **TIGA (3)** soalan semuanya, **SATU (1)** soalan daripada setiap bahagian.

**BAHAGIAN A**

- 1 a) Huraikan beberapa teori kesusasteraan dengan mengemukakan contoh-contoh daripada teks sekolah yang digunakan dewasa ini.  
[20 markah]
- b) Nyatakan aspek-aspek pendidikan moral/akhlak yang anda fikir perlu diterap melalui teks-teks kesusasteraan Melayu.  
[20 markah]
2. a) Apakah Pendekatan Bersepadu dalam pengajaran kesusasteraan Melayu?  
[20 markah]
- b) Bincangkan beberapa langkah pelaksanaannya jika anda menjadi guru sastera di sebuah sekolah menengah.  
[20 markah]

...2/-

**BAHAGIAN B**

3. Tulis satu rancangan pelajaran untuk mengajar puisi yang dilampirkan di **Lampiran A**.

[30 markah]

4. Nyatakan bagaimana anda akan mengajar cerpen yang dilampirkan di **Lampiran B** kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dalam masa 80 minit.

[30 markah]

**BAHAGIAN C**

- 5 a) "Sastera lama adalah pancaran masyarakat lama". Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk jenis-jenis karya sastera yang terdapat dalam teks **Rampaisari Prosa Warisan**.

[15 markah]

- b) Nyatakan kepentingan mengajar prosa lama kepada pelajar-pelajar sekolah menengah.

[15 markah]

6. Kemukakan perancangan dan pelaksanaan yang anda akan lakukan untuk mengajar sebuah novel seperti teks **Mereka Yang Tertewas**.

[30 markah]

7. Bincangkan beberapa kaedah dan aktiviti yang sesuai dilaksanakan dalam pengajaran sebuah drama seperti terdapat dalam teks **Keris Laksamana Bentan**.

[30 markah]

LAMPIRAN A

**Susila  
Kemala**

Aku selamanya adalah sebuah suara yang lembut  
menghulur manik-manik kasih sayang dan sopan  
menyentuh tubuh kehidupan dan jantung manusia  
dalam diri membina kotateguh bernama peribadi.

Mencintai warna jernih, mesra dan ramah-tamah  
menyusur pinggir kemanusiaan dalam timbang terima  
mengusap tiap teluk jiwa tak berantara  
sebuah lagu kesatuan yang padu meningkah gema.

Seusiaku dalam piala sejarah yang wangi  
tangan siapa menyambut nyanyi kasih abadi  
tiadakan luntur kotanya ampuh berdinding budi  
detik-detik yang manis, menari menatang erti.

Aku selamanya, adalah sebuah suara yang lembut  
pagiku berawal rindu demi kasih bersambut  
senjaku simfoni cinta bahagia dan air mata  
malamku, gadis manis dan rambutnya bunga segar susila.

1968

Kemudian dia mengambil sesuatu dari dalam kocok kakunya yang hitam lusuh entah berapa minggu tidak berbasuh.

Dihulangkannya kepadanya sebiji jambu bol merah. Sambil menyambar jambu itu dan lantas menyorongnya ke mulut, aku sempat juga bertanya, "Di mana kau dapat jambu ni, Pungut?"

Pungut berbisik. Dan kami segera berlari tanpa kasut atau selipar lalu hilang dalam semak-samun.

Hari-hari kami mengelak kaki dari digarut daun memelas, atau disiat hiring sewaktu melompati parit kecil yang menjadi sempadan di antara kebun ayah Pungut dengan kebun Pak Naib.

Sebelum tiba di pokok jambu bol yang berbuah lebat, terletak betul-betul di antara parit sempadan dan kolam mandi untuk anak isteri Pak Naib, tiba-tiba kakiku terpijak ranting. Berdetap bunyinya, patah.

"Siapa tu?" Suatu suara parau bertanya.

Aku menggil kerakuan. Kurentap baju Pungut supaya lari balik. "Siapa tu? Jawab!" Suara makin dekat dan makin nyaring kedengarannya. Diikuti pula oleh bunyi orang menabas segala pokok seperti sedang mencari kami.

Aku makin takut. Kutarik baju Pungut hingga koyak. Pungut bangun, memegang bajunya yang terbelah di belakang, sambil menolak aku hingga jatuh dia berlari ke hadapan menemui suara itu.

"Saya, Pak Aji," suaranya jelas mengkap cuping telingaku.

Wah, Pungut sudah menyerah diri. Aku bagaimana? Kenapa aku ditolaknyanya sampai jatuh? Barangkali itu isyarat supaya aku jangan ikut dia menyerah. Kalau begitu, lebih baik aku lari balik, fikirku kelam-kabur.

Kadang-kadang ingin juga aku hendak memasang telinga, apa seterusnya hukuman yang diterima oleh Pungut. Tetapi hari-pe-ngecutku mengajak kakiku ikut saja perintah hati. Lalu, aku pun susup-sasap pulang.

Ibu rupanya sudah lama terjaga. Dia memanggil-manggil namaku, tetapi tidak berjawab. Kepada siapa pun dia bertanya di mana aku, tidak seorang antara isi rumah itu yang tahu.

Apabila aku baik matanya merah marah. Diperhatikannya aku dari atas ke bawah. Rambutku yang kusut masi direpis daun-daun dan ranting-ranting kecil semasa pergi dan balik dari kegagalan,



### ZAHARAH NAWAWI

**P**atang yang redup dan menggembrakan itu, membuat kakiku cepat berlari terjengkret-jengkret, meninggalkan ibu yang sejak tadi minta dicarikan kuru sambil baring di ruang tengah, di muka pintu bilik tidur yang hanya sebuah, di rumah besar kami.

Aku pasti, ibu sudah tertidur kerana terlalu enak merasakan kepalanya digeragai oleh jari-jemariku yang kecil mongel dan berkuku hitam itu. Kepastian ini kuyakini dengan melihat matanya yang pejam rapat dan bunyi dengkurannya kecil keluar dari hidungnya.

"Pungut!" Jeritku.  
Sunyi.

"Pungut! Mari main teng-teng!" Jeritku sekali lagi.

"Hush!" Suara berserta tangan terasa merentap bajuku dari belakang. Aku menoleh. Pungut menyeringai memperiharkan giginya yang tidak teratur dan tidak bergosok itu, padaku. Aku tidak pernah jijik dengan rupa dan keadaan kawanku ini. Pertama, kerana aku juga seperti dia. Punya gigi yang tidak teratur dan tidak bergosok. Kedua, dia tidak pernah lebih kotor daripada giginya itu, baik hatinya mahupun tingkah lakunya.

Sebelum memberi persetujuan sama ada mahu main teng-teng atau main serimban, Pungut menggaru kepalanya yang banyak kuru.

Lantas kucekup sebiji dengan tangan kanan, dan kukunyah dengan lahap. Sementara itu tangan kiriku pula mencekup dua biji lalu memasukan ke dalam kocek baju kurungku yang tidak kurang lusuh dari baju Pungut, cuma bezanya bajuku tidak koyak.

Pungut juga memakan jambu itu hingga kenyang. Puas.

"Pak Naib kasi engkau jambu ni?" Tanyaku kemudian setelah keinginan untuk menghabiskan jambu yang sekarang itu, mati.

"Ya. Dia tidak marah tetapi dia kasi jambu ni. Dia kata, dia tahu aku hendak jambu. Pokok jambu tu katanya, buahnya lebat, sampai ke hujung dahan. Burung-burung datang makan, tupai datang makan dan siapa pun boleh datang makan. Burung dengan tupai tidak pandai cagak, katanya kalau hendak jambu tu, berapa banyak pun, cakaplah. Jangan curi. Kata Pak Naib, kalau dari kecil dah biasa curi jambu, nanti sampai besar pun suka curi, barangkali barang lain pula. Kalau orang curi barang, nanti Pak Naib kata, kena hukum potong tangan."

"Potong tangan?" Aku tersentak mendengar.

"Haah. Aku takut. Aku tidak mahu curi jambu dia lagi, Sah."

Pungut melintukkan kepalanya seperti orang takut.

"Aku pun. Kalau kita hendak, lain kali kita minta sajalah, Pak Naib tu, baik," aku mendorongnya.

"Haah. Kalau aku tahu dia baik, aku ajak engkau pergi bersama. Aku ingat dia hendak marah, hendak pukul kita atau adukan hal kita kepada mak kita, jadi aku tidak kasi engkau ikut. Aku yang ajak engkau curi jambu ni, biarlah aku yang kena pukul. Aku tidak mahu mak engkau marah engkau. Aku rasa berdosa aniaya engkau. Kan kata cikgu agama kita, kalau aniaya orang nanti masuk api neraka?"

Pungut bercerita panjang.

"Haah," aku angguk setuju. Sambil itu tanganku mengambil seberapa banyak buah bagi dibawa balik untuk dimakan malam-malam sebelum tidur.

Suara tangisan adik yang seperti terlalu sakit, mencecah suasana petang serta kedamaiannya. Ibu berlari turun dari atas rumah. Rambutnya mengembang tidak sempat disanggul, dengan mulutnya becok memanggil-manggil. Aku turut berlari mendapatkan adik, memanggil-manggilnya dari bawah himpitan basikal dan mengurut-urut bahagian yang kukira sakit. Apabila tanganku terkena pada kulit

kainku yang banyak digayuti oleh bunga-bunga kecil dari semak-samun dan mukaku yang berminyak-minyak kerana penat dan takut, membuat dia bertanya nyaring.

Ke mana engkau menghilang?"

"Be..." jawabku pendek, berbohong, lalu memintas ibu yang masih ingin tahu banyak perkara itu, naik ke tangga lantas ke bilik mengambil sehelai kain basahan.

"Aku hendak mandi!" Kataku nyaring, ditunjukkan khusus kepada ibu, supaya dia tidak menyoal atau menyuruh apa-apa lagi.

"Dan sembahyang!" Sambungku sambil membimbit sebuah baldi menuju ke parit besar yang terbentang di hadapan halaman, dengan air bersih mengalir dari sungai, pasang apabila tiba waktunya, surut apabila gilirannya.

Ibu menapak naik ke rumah. Suaranya kedengaran memanggil adik. Dia minta adik menyambung kerjaku yang tidak selesai tadi.

"Carilah kuni! Kepala gatal!" Jeritnya.

Tetapi adik tidak muncul. Dia sedang asyik bermain bersama Jamil dan Kadir. Main basikal di halaman rumah.

Aku pura-pura tolong pergi mencari adik di rumah jiran, tetapi sebenarnya aku meninggalkan baldi dan kain basahan di pelantar mandi semata-mata untuk melihat Pungut.

Apabila aku tiba di kepala titi, kulihat Pungut berjalan tenang di jalan biasa, tidak susup-sasap meredah semak-samun seperti dalam perjalanan pergi tadi. Tangannya membimbit sebungkus kerongsong yang terbuat daripada kertas tebal berwarna sawo matang. Dia senyum-senyum melambaiku. Aku segera berlari mendekatinya.

"Pak Naib tu marah?" Tanyaku tidak sabar.

Pungut menggeleng kepala.

"Tidak," jawabnya sepeatah.

"Dia tidak marah?" Tanyaku pelik.

Aku serasa tidak percaya.

"Tidak," tegasnya.

"Bohong," tuduhku.

"Tidak," katanya sambil mencangkung membuka bungkus kertas di tangan. Apabila kulihat di dalamnya penuh dengan jambu bol, aku tidak lagi mempertikaikan betul tidaknya kata-kata Pungut tadi.

tulang keringnya yang melas dan berdarah, tangisannya makin nyingir. Akhirnya ibu sampai di halaman rumah Wak Kadar, tanpa baju, hanya sehelai kain batik dikik di atas paras dada. Berkemban. Dijelarnya adik balik ke rumah. Jamil dan Kadir menghiang diri entah ke mana.

"Engkau ni perempuan, nak kawan dengan budak lelaki, kalahlah! Tengok dilanggarnya basikal engkau, jatuhlah!" Ibu membuat tuduhan tanpa melihat peristiwa sebenar.

"Jangan berkawan dengan budak-budak tu lagi," amaran ibu keras sambil membalut luka di kaki adik dengan kain buruk dan menyapu di bahagian yang melas dengan minyak tanah.

Aku berfikir, dengan siapa lagi adik boleh berkawan? Dahulu bermain dengan Satimah adik Kadir yang perempuan, dikatanya: jangan kawan dengan anak Jawa makan kuru tu. Berkawan pula dengan Diang, dikatakan budak Banjar tu makan waik. Perdek kata segala jenis makanan orang, buruk belaka dan itu juga yang dijadikan sebab tidak boleh dibuat kawan.

Senja yang setiap hari datang, menolak siang ke kaki langit dan menjemput malam menidurkan penghuni bumi, cepat mendewasakan aku, dari dara sunti kepada wanita remaja menghantung kota, mengutip rezeki dari pesirannya.

Di kota yang penuh dengan pelbagai ragam manusia, aku memang jauh dari keluarga dan sahabat-handai. Dengan segala kekuatan yang Tuhan berikan, kutempuh setiap peristiwa dan kuyakini setiap kecurigaan; bahawa aku pandai membawa diri; bahawa setiap orang baik; bahawa yang jahat akan menjadi baik jika kita pandai mengemudikannya.

Aku juga tidak pernah lupa pada pesanan ayah yang berbunyi: Pergilah Sah, sejauh mana yang kau mampu dan sejauh mana kau mahu, walaupun kau hanya seorang perempuan. Cuma, aku minta kau harus ingat, setiap peristiwa yang kauaharungi, memang pahit ketika terjadi tetapi berubah manis apabila dikedang. Atasi segala peristiwa pahit itu jika berlaku dengan sebijak-bijak dan seadil-adilnya, walaupun kau terpaksa menyakiti satu pihak yang lain, katanya.

Waktu aku menerima pesanan itu dahulu, aku hanya mende-ngarkannya seperti satu nyanjian paru suata pelaut kerana ayahku sebenarnya seorang pedagang yang sering belayar ke serata

Kepulauan Melayu membawa barang-barang: ikan kering, lada kering, basikal, radio, jam tangan, minyak wangi, getah keping selai dan berbagai-bagai keperluan serta hasil serempak. Kini, setelah aku benar-benar dewasa dan berakal, setelah ayah pergi terlalu jauh meninggalkan aku, barulah aku mengerti bahawa kata-katanya benar belaka.

Satu perkara yang tidak pernah dipesan baik oleh ibu atau ayah ialah mengenai kawan. Kerana itu, aku berkawan dengan siapa sahaja yang aku suka dan yang aku mahu, tidak kira apa jenis, apa bangsanya, dan berapa umurnya.

Masa kecil kawanku cuma Pungut, gadis sebaya yang tidak berayah kerana ayahnya meninggal sebelum dia mengenalnya. Pungut serba kurang, serba buruk tetapi amat kusayang. Kini anaknya sudah lima.

Di kota besar ini, aku mendapat banyak kawan, silih berganti. Aku mengira-ngira teman yang pernah tinggal serumah denganku. Rozi, Kiah, Munah dan Asmah. Kerana pendapatan kami sama-sama kecil, hidup kami sama merempat, maka kami sehati sejiwa, berkongsi apa saja; hari gajah sama dilapah, hari kuman sama dicecah.

Malahan dua daripada teman kami yang berwajah sedikit cantik, banyak lelaki datang mencuba, tidak kedekut memberikan peluang siapa saja antara kami yang sudi menemui teman-teman lelaki yang lapar itu, ke mana saja.

Aku yang buruk, bukan tidak sudi apabila dipelawa tetapi memang tidak mahu, kerana bagiku, diriku untuk yang lain, bukan untuk suka-suka bagi mengisi masa. Kuucapkan berbanyak terima kasih di atas baik hari Rozi dan Asmah itu. Setelah memahami perdirianku, Rozi sering meminta teman lelaki saya membeli buah tangan; sate, anggur dan sebagainya untukku.

"Orang menjadi baik, hanya ketika dia susah, atau kerana ada udang di sebalik batu," pernah kubaca ungkapan itu tetapi aku lupa di mana. Di majalah? Atau akhbar? Tidak mengapa, aku tidak perlu ingat daripada mana, tetapi yang penting kuingat ialah kata-kata hikmat itu, supaya ia boleh dijadikan teladan dan panduan hidup.

Berulka kata-kata itu? Jawabnya, betul bagi sesetengah orang. Aku tidak pernah lupa kepada seorang kawan serumah dan

dalam meniti persahabatan. Temanku biasanya dalam semusim tidak lebih dari dua. Kadang-kadang untuk jangka masa lima hingga sepuluh tahun, aku hanya punya seorang kawan kental. Apabila kami terpaksa berpisah atau dipisahkan oleh masa dan kehidupan, barulah aku mencari yang lain sebagai ganti, itu pun tidak sembarangan dan kadang-kadang memakan masa yang lama hingga bertahun baru kekosongan itu terisi.

Tetapi rupanya aku masih salah. Rupanya aku masih belum sematang yang kukikirkan. Dan nasihat ayah yang tidak kugemari: buat baik dengan siapa sahaja, jelas menyaksikan diriku sendiri.

Seorang kawan yang bukan baru, datang menghulur tangan persahabatan padaku.

"Aku bertugas di sini," dia memberitahu.

"Oh, ya? Mulai bila?" Tanyaku riang.

"Hari ini," terangnya dalam senyum simpul yang menarik.

"Oh, bagus. Bagus," aku angguk senang. Memang aku merasa senang kerana selama ini, rakan sekerja merupakan orang asing belaka, asing dalam serba ruang kehidupan dan kebudayaan.

"Di bahagian mana?" Tanyaku lebih lanjut.

"Di bahagian ini," jelasnya sambil merenung anak mataku, seperti sedang menduga isi hatiku.

"Oh, ya, bagus tu, ringan kerjaku nanti, tidak sendirian memikirkan segalanya." Balasku jujur hati.

"Selaku apa?" Satu persatu pertanyaan kuajukan kerana tentu tidak punya apa-apa erti jika aku masih teraba-raba tidak tahu lebih jauh, malahan tentu lebih baik jika aku mendapat tahu terus daripada orang pertama, orang yang punya diri.

"Aku... aku mengisi jawatan yang diiklankan tempoh hari," dia tidak mahu menyebut terus terang nama jawatannya. Tetapi penjelasan itu, cukup bagiku untuk tahu dan tidak perlu apa-apa penerangan lain lagi.

"Kalau begitu engkau menjadi ketuaku," kataku senang seperti awal.

"Kita mesti bekerjasama," dia seperti meminta.

"Sudah tentu," balasku.

sepejabat, yang mahu membuat apa saja untukku asalkan dia dapat meminjam gelang emas milikku yang cuma satu itu untuk dipakai pergi ke majlis dansa bersama teman lelakinya.

Kurasakan dia cukup baik. Tidak ada sebab aku mesti meragui kejujurannya. Dan tidak ada sebab bagiku untuk tidak meminjamkan satu-satunya harta pemberian ibuku itu kepadanya.

Tetapi apabila dia balik dari majlis dansa, terus tidur dan tidak keluar-keluar. Beberapa hari dia cuba mengelak dari bersua muka denganku, baik di rumah mahupun di pejabat.

Apabila aku bertemu dengannya dalam satu pertemuan yang sengaja kuatur melalui teman lain, dia mengatakan dia malu bertemu aku kerana gelang yang dipinjamnya hilang.

Malu? Mengapa mesti malu? Jika benar hilang laporkan perkara itu kepada polis dan cari di tempat dansa. Katanya dia akan mengganti gelang yang hilang itu. Tetapi tidak lama kemudian dia pindah. Sebelum pindah, dia cuti seminggu. Sewaktu aku bekerja, itulah masanya dia berangkat senyap-senyap. Bila aku balik, kulihat biliknyanya kosong. Ke mana dia? Aku tidak tahu. Dan gelangku, hingga kini tidak berganti.

Satu lagi pesan ayah yang kuingat sekali-sekala sahaja: Walau di mana pun engkau tercampak, buat baiklah dengan siapa sahaja, walau dia sejahat-jahat manusia. Tidak ada ruginya. Tetapi jika engkau dihajati orang diamkan sahaja. Serahkan segalanya kepada Tuhan. Tuhan lebih tahu cara membalasnya. Aku tidak menyematkan nasihat ayah itu kerana aku tidak setuju dengan kata-katanya itu. Mengapa mesti jadi bodoh? Orang ketuk, aku tunduk, orang kata aku senyum, orang curi duitku aku halalkan, orang rampas kekasih atau suamiku, aku biarkan... begitu? Heh, lambat lagi. Tetapi kerana aku ingin merantau, apa sahaja yang dipesan aku dengar sungguh-sungguh, seperti membajikannya di kepala dan tidak akan lekang daripada ingatan, hingga akhir hayat.

Ibu? Pesannya yang ringkas: Jangan lupakan emak. tulis surat selalu, balik selalu, itulah yang kerap kulaksanakan. Memang aku tidak mungkin lupa kepadanya. Jika beberapa bulan aku tidak kembali, rasa rindu segera menyerang diri.

Kini, kurasa diriku sudah cukup matang tentang kerena alam, tindak-tanduk manusia dan gelagat teman. Aku cukup hati-hati

"Engkau penting bagiku," dia meyakinkan. "Kalau engkau tidak ada, banyak perkara yang aku tidak dapat lakukan," sambungnya seperti meminta pengertian.

"Aku sudah memberitahu pihak-pihak lain supaya engkau dikekalkan di sini bagi membantu aku sepenuhnya dalam melaksanakan projek-projek baru. Kukatakan, hanya engkau yang tahu serba-serbi terutama dalam soal pentadbiran kerana engkau sudah lama di sini. Bukan orang lain..." "Wajahnya begitu sayu, suaranya begitu rendah. Dia seperti memohon belas kasihan dengan menyangung aku begitu rupa.

"Kau tak perlu memberitahu sesiapa kerana aku tidak bercadang hendak ke mana-mana," balasku setulus hati.

Dalam pada itu, aku memang tahu kerana dia bukan kawan baru seperti yang kukatakan awal tadi, dia memang tidak tahu banyak perkara tentang kerja yang dipegangnya ini. Tetapi bagaimana dia dapat menawat jawatan yang agak asing baginya itu? Ah, itu bukan persoalan yang akan kupertikaikan. Mungkin dia diambil hanya untuk memenuhi peruntukan pegawai tempatan.

Aku, sesungguhnya, bukan kerana aku perempuan dan tidak mampu memenuhi jawatan yang sudah lama kosong dan diagihkan ke sana ke sini minta diisi itu, tidak tetapi kerana aku tidak suka dengan tugas mesyuarat yang terlalu banyak dan membosankan, maka aku mengelak dengan caraku sendiri supaya tidak dicalonkan mengisi kekosongan itu. Caraku berjaya. Azamku; siapa sahaja yang datang mengambil tempat itu aku akan membantunya, sepenuhnya hati. Aku senang di tangga yang kududuki kini. Gajiku sudah lebih daripada cukup. Aku tidak perlu apa-apa lagi. Cukup. Segalanya cukup.

"Apa ertinya gaji besar dan kedudukan tinggi kiranya hatiku tidak gembira," kataku kepada teman-teman yang memberi galakan supaya aku meminta jawatan itu.

"Apa yang menyenangkan kau di sini?" Tanya Hafiz.

"Kerja yang kreatif. Tidak tegang dan menegangkan, baik urat leher atau urat kepala atau urat saraf," kataku sedikit keras.

"Kau harus membuktikan bahawa manusia kreatif dan perempuan pula mampu mengisi jawatan pentadbiran." Dia seperti mencabar.

"Seluruh kaum seniman dan kaum wanita akan mengagumi kau," sambungnya dengan lagak bangga.

"Ah, aku tidak mahu menyeksa diri hanya untuk menjadi jaguh yang mengagumkan," balasku.

"Malah, dalam bidang pentadbiran, aku sudah lama membuktikan kemampuan para seniman dan kaum wanita. Tidak perlu ditonjolkan lagi," sambungku setelah melihat dia diam.

"Tetapi," Hafiz mahu menyambung.

"Tidak ada tetapiunya. Aku kara aku tidak mahu, tidak mahu," aku bangun menutup kata, lalu berjalan menuju ke bilik air meninggalkan Hafiz dengan harapan yang tidak terisi.

Aku tidak tahu, apa kesalahan yang dibuat oleh teman lamaku yang kini menjadi ketaku. Tetapi aku sering mendengar risik-risik daripada kawan-kawan lama yang mengerahui, katanya, namaku hitam dalam senarai kerana segala kesilapan yang berlaku kononnya adalah kesilapanku.

Kerana aku dikatakan serba-tidak tahu, serba kekurangan dan selalu buat kesilapan hingga memeningkan kepala ketaku, maka aku dicadangkan supaya diberi kursus, supaya pandai buat kerja dan tidak silap apa-apa lagi.

Aku tidak tahu berapa banyak kekuranganku didedahkan di pihak atasan. Yang jelas, segala penghormatan selama ini yang tidak kuhajati diberikan kepadaku, serta-merta lenyap bagi batu dicampak ke tasik. Terlalu cepat lenyapnya. Tetapi aku tidak peduli juga. Aku memakai tangkal kata-kata yang ayah berikan dahulu: buat baiklah dengan siapa sahaja dan jangan membalas jika engkau dijahati, serahkan kepada Tuhan, biar Dia yang membalaskan.

Tetapi ramai pula yang menecar kebawawanku kerana menyerahkan nasib ke tangan Tuhan.

"Kaubodoh," kara Hafiz.

"Kalau aku, aku rasa hina diperlakukan begini," tambahanya terus terang.

"Dari dahulu lagi aku suruh supaya kau saja yang mengisi jawatan di atas tu tetapi kaukuar dengan kepercayaan dan kenahuan sendiri. Tidak mahu dengar nasihat dan pendapat kawan. Maklumlah..." dia memerti.



Aku mendiamkan diri mendengar dia mencurahkan isi hati, biar sampai habis, biar cepat lega.

"Sekarang? Ha, bila yang baik dia kata hasil kerjanya. Bila yang buruk dan tidak betul katanya engkau yang salah. Dia pandai cakap. Cakapnya orang dengar, jadi engkau dapat apa sekarang? Penghinaan. Tidak lain daripada penghinaan." Katanya keras, tajam menusuk jantung dan melukakan perasaanku.

"Kenapa muka engkau mencebik dengar aku cakap?" Hafiz belum puas menyeksa aku.

"Pasal bahasaku yang kesat kasar dan menyakitkan?" Tanyanya lantang.

"Ya." Aku menjawab terus terang.

"Heh, engkau dengar kata-kataku sakit kan? Tidak senang, kan? Dengar kata-kata boss baru engkau tu seronok, kan? Lembut berirama, beralun, penuh pujian, penuh sanjungan, dibungai gelak ketawa mesra, kan?" Dia menekankan dengan 'kan'nya bertalu-talu.

Tanpa menunggu aku mengganggu atau menggeleng, menjawab ya atau tidak, dia terus-terus saja berkata dengan keras:

"Pepatah Inggeris menyebut: lebah yang mempunyai madu di mulut tu, mempunyai sengat di ekornya, tau tak?" Tanyanya, seperti aku ini anak sekolah yang tidak mengerti apa-apa.

"Tak payah, tak payah engkau cakap, aku tahu." Aku masih mencebik, bukan kerana sikap kasarnya tetapi jemu mendengar khutbahnya yang tidak habis-habis mengingatkan, mengulang perkara yang kerap dipertakakan.

"Jadi engkau lebih suka dengar cakap dia daripada cakap aku." Dia memancing pujian.

"Dua-dua tidak. Dia seperti tebah, engkau seperti kala jengking, yang punya bisa pada sepit, di mulut dan di ekor. Sekali gigit terus pangsang, malah mati," balasku.

Tiba-tiba ketawa besar meledak keluar dari rengkung Hafiz. Dia cukup senang rupanya dengan jawapanku itu. Tangannya mengurut bahunku.

"Jikalau aku seperti seekor kala jengking, engkau tidak akan seperti teratai yang punya bunga cantik berseri di permukaan tasik tetapi akarnya menyedut lumpur...." Bisiknya perlahan dan begitu romantis bunyinya.

"Habis?" Tanyaku sepatatah.

"Engau adalah bintang zurah yang memancar indah di langit bebas, tegap dan kukuh dengan pendirian sendiri tanpa bergantung pada seurat benang pun, apatah lagi pada dahan yang rapuh atau pagar yang memakan padi," dia memandang aku dengan senyum manis hingga ke mata.

"Kau tahu apa yang kaulakukan," sambungnya meminta suaraku keluar bagi menyahut kata-katanya.

Tetapi aku mendiamkan diri. Hanya hatiku yang menjawab, aku tahu apa yang aku lakukan. Dan aku akur bahawa jika berkawan dengan orang yang seperti Hafiz, terus terang, kata-kata menyakitkan kadang-kadang, tetapi kejujuran dapat menebus segala kepahitan itu dengan bukti.

Jadi aku mengelak daripada menjadi seperti teratai. Biar aku tidak dipuja oleh para seniman, asalkan akarku tidak menghisap lumpur yang hitam, seperti kata Hafiz, kawanku yang punya mulut ber- bisa itu.